

15/01/2003

Isi kekosongan ikut hierarki: Ong

Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR: Sebarang kekosongan jawatan dalam pucuk pimpinan MCA harus diisi berdasarkan hierarki dan perlembagaan parti tanpa mengambil kira penyandang itu disukai ramai atau sebaliknya.

Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Keat, berkata hierarki parti adalah jelas walaupun sebelum pelan damai yang dicadangkan Perdana Menteri, Datuk

Seri Dr Mahathir Mohamad dilaksanakan Mei lalu.

"Kita tak kisah siapa penyandang jawatan sama ada Datuk Seri Lim Ah Lek

(Timbalan Presiden MCA) atau sesiapa pun, yang penting hierarki tetap hierarki.

"Takkan bila cakap kita akur kepada perlembagaan parti, hierarki itu ada tapi kita cakap orang itu saya tak berapa berkenan, saya nak pilih lagi.

"Itu saya rasa bukannya hierarki. Hierarki itu hierarki, saya tak kisah

Lim, Naib Presiden MCA, Datuk Chan Kong Choy atau Datuk Seri Ong Ka Ting yang pegang jawatan itu," katanya pada sidang akhbar di Wisma MCA di sini, semalam.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Belia dan Sukan berkata, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik harus memahami kepentingan hierarki dalam parti itu memandangkan beliau sendiri pernah melalui proses itu.

Katanya, pada 1986, Dr Ling yang memegang jawatan Timbalan Presiden MCA menyandang jawatan nombor satu parti itu apabila Tan Koon Swan meletak jawatan disebabkan masalah parti.

"Kalau ada kekosongan di atas, maka ia kena diganti. Patah tumbuh silih berganti," katanya.

Kelmarin, Dr Ling meminta Lim supaya tidak terus membuat kenyataan yang menguji kesabarannya.

"Saya sudah banyak bersabar dengan Lim dan akan terus mengekalkan kesabaran itu. Tetapi saya mahu mengingatkannya bahawa sikapnya yang suka memebel sudah sampai ke tahap menjengkelkan," katanya.

Ahad lalu, Lim menuduh Dr Ling sebagai bermain politik apabila meletakkan syarat bahawa isu penggantinya perlu diselesaikan terlebih dulu sebelum beliau berundur lebih awal daripada menerajui parti itu.

Ong berkata, beliau hanya bersabar dan tidak pernah menyuarakan sebarang rasa tidak puas hati walaupun menerima surat layang pelbagai ragam serta tuduhan liar.

"Itu bukan memebel. Itu sebenarnya tuduhan. Tuduhan pun saya tahan juga. Pemuda kena ada daya ketahanan kerana sabar saja tidak mencukupi,"

katanya.

Terdahulu, Ong mengumumkan pelantikan untuk jawatan dalam pucuk pimpinan dan biro iaitu Tan Yok Cheng sebagai Setiausaha Pengelola, Low Chew June akan mengetuai Biro Ekonomi, Low Kim Piau (Biro Tugas Khas) serta empat jawatankuasa di bawah Biro Politik.

Empat jawatankuasa itu diketuai Liow Tiong Lai bagi Jawatankuasa Pengurusan dan Penyelarasan, Tan Yew Chong (Penyelidikan Polisi), Tan Yok Cheng (Komuniti dan Perhubungan) serta Wee Ka Siong (Perancangan dan Strategi).

Beliau berkata, pihaknya turut melantik beberapa timbalan Setiausaha Pengelola yang akan membantu menyelaraskan kegiatan pergerakan itu pada peringkat negeri. Mereka ialah Datuk Lee Chee Leong (Perak), Set Chin Liang (Johor), Tan Boon Yew (Sabah), Lua Han Kun (Terengganu dan Kelantan) serta Yee Poh Ping (Wilayah Persekutuan).